

Kepelbagaian Budaya Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam: Teori Dan Amalan

Noraini Omar

Mohd Aderi Che Noh

Mohd Isa Hamzah

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kepelbagaian budaya merangkumi kepelbagaian latar belakang, pencapaian, budaya, bahasa, dan nilai yang dipegang oleh pelajar. Justeru, kajian ini meneroka secara konseptual apakah kefahaman guru pendidikan Islam terhadap kepelbagaian budaya, dan bagaimanakah elemen-elemen kepelbagaian budaya diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah pengumpulan data melalui temu bual separa struktur dan pemerhatian dalam bilik darjah dengan melibatkan tiga orang guru pendidikan Islam sebagai peserta kajian. Dapatan mendapati guru-guru menyatakan bahawa konsep kepelbagaian budaya bermaksud kepelbagaian amalan hidup, kepelbagaian bangsa dan kaum serta kepelbagaian nilai. Manakala daripada aspek pelaksanaan pengajaran, peserta kajian menyatakan bahawa pendekatan secara tidak langsung digunakan dalam menerapkan elemen-elemen pelbagai budaya. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada beberapa perkara penting seperti memperbaiki amalan pengajaran Pendidikan Islam terutama dari segi pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran penerapan elemen pelbagai budaya, di samping membuka minda dan membuat anjakan paradigma terhadap amalan guru Pendidikan Islam yang selama ini hanya menggunakan contoh-contoh yang melibatkan pelajar Melayu Islam sahaja tanpa mengambil kira pelajar-pelajar yang mempunyai latar belakang yang berbeza budaya.

Kata Kunci: Kepelbagaian Budaya, Pendidikan Islam, Pengajaran dan Pembelajaran

ABSTRACT

Cultural diversity includes diversity of backgrounds, achievements, culture, language, and values held by students. Hence, this study explores a conceptual understanding of what Islamic education teachers on cultural diversity, and how the elements of cultural diversity embedded in teaching and learning Islamic education. This study used a qualitative approach and methods of data collection through semi-structure interviews and classroom observations involving three teachers of Islamic education as the study participants. The results found that the teachers stated that the concept of cultural diversity means the diversity of life, race and ethnic diversity and value diversity. The implementation aspects of the teaching, study participants noted that the indirect approach is used in applying the various elements of culture. This study is expected to contribute to a number of important things like improve teaching Islamic education, particularly in terms of approaches, methods and techniques infusion of diverse cultures, as well as an open mind and make a paradigm shift to the practices of Islamic Education teachers who had only used examples involving Malay Muslims only, irrespective of the students who have different cultural backgrounds.

Keywords: *Cultural Diversity, Islamic Education, Teaching and Learning*

PENDAHULUAN

Al-Quran secara khususnya telah menyebut bahawa konsep kepelbagaian manusia merupakan satu sunnahtullah. Perbezaan warna kulit, bangsa, rupa paras, agama dan kepercayaan merupakan salah satu daripada bukti kekuasaan dan kebijaksanaan Allah SWT (ar-Rum 30:22). Al-Quran juga menyeru umat Islam untuk saling bantu membantu, bertegur sapa dan beramah mesra tanpa membezakan warna kulit, budaya dan bangsa untuk mewujudkan interaksi antara umat manusia serta berlaku adil antara sesama manusia (an-Nisaa' 4:58). Perbezaan-perbezaan ini bukanlah penyebab berlakunya konflik antara manusia malah ianya merupakan salah satu daripada rahmat untuk manusia.

Dari aspek pendidikan Islam, peranan, kebijaksanaan dan penampilan guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran amat perlu kerana peranan guru Pendidikan Islam bukan sekadar sebagai pendidik, pengajar tetapi juga sebagai *da'i* (pendakwah) (Ab.Halim 2005). Penerapan nilai budaya masyarakat juga boleh dilaksanakan melalui aktiviti sampingan khususnya melalui aktiviti ko-kurikulum (Syed Ismail Syed Mustapha & Ahmad Subki Maskom 2010). Penerapan elemen-elemen budaya yang berkaitan nilai misalnya, hormat menghormati, bekerjasama, sikap bertolak ansur, kepentingan perpaduan, boleh diterapkan secara tidak langsung. Begitu juga penekanan tentang

kepentingan sikap bertolak-ansur, perpaduan, dan bekerjasama tanpa mengira etnik khususnya dalam mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara (Najeemah 2005; Syed Ismail dan Ahmad Subki 2010). Kefahaman tentang kepelbagaian ini bukan sahaja untuk pencapaian dalam bidang akademik semata-mata tetapi juga dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan pelajar yang pelbagai kaum (Abdul Razaq et al. 2010). Apa yang diharapkan, kefahaman ini akan dapat mengelak daripada berlakunya perkara yang membawa kepada perselisihan dan salah fahaman dalam kalangan masyarakat, terutama sekali masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

KONSEP KEPELBAGAIAN BUDAYA DALAM ISLAM

Kepelbagaian latar belakang murid dalam sistem pendidikan di Malaysia mengkehendaki masyarakat Malaysia agar memahami bangsa-bangsa lain, bersatu padu dengan harapan mewujudkan masyarakat yang harmoni (Shamsul Amri 2012). Oleh hal yang demikian, keperluan untuk meraikan kepelbagaian pelajar ini telah termaktub sebagai salah satu daripada lima aspirasi sistem pendidikan di Malaysia, iaitu "*sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian*" (Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2013-2025; hlm: 21). Ini bersesuaian dengan komposisi penduduk Malaysia yang seramai 28.3 juta pada tahun 2010 yang terdiri daripada orang Melayu sebanyak 67.4%, kaum Cina 24.6%, kaum India 7.3% dan lain-lain sebanyak 0.7%. Oleh itu pemahaman murid dan generasi muda terhadap kepelbagaian budaya sejak mereka dibangku sekolah membantu menjamin kelangsungan bangsa dan kemajuan negara. Sebagai contoh, melalui kurikulum tersirat dan tersurat, Kementerian Pelajaran berusaha membentuk bangsa yang bersatu dan saling menerima perbezaan budaya antara kaum (Ahmad Ali Seman 2011).

Islam mengiktiraf kepelbagaian budaya ini merangkumi kepelbagaian bangsa, budaya, agama, agama dan nilai yang mereka pegang. Islam juga memberi kebebasan beragama kepada umat manusia (AL-Baqarah, 2:256). Kepelbagaian seperti budaya bangsa termasuklah elemen bahasa, cara hidup, agama dan tabiat berpakaian dan nilai yang diamalkan ini merupakan satu indikator untuk melihat ketamadunan sesuatu bangsa (Ibnu Khaldun 2000). Islam mengiktiraf kewujudan kaum atau bangsa, budaya dan cara hidup yang berbeza-beza, malah ahli *fiqh* berpendapat bahawa *urf* (adat) sesuatu bangsa yang tidak bercanggah dengan syarak boleh dipertimbangkan sebagai sumber hukum yang tidak diperjelaskan Al-Quran atau pun Hadis (Ismail Hamid, 1996).

Manakala dari aspek bahasa, bahasa juga mempunyai hubungan dengan sosiobudaya, ini bermakna bahasa sesuatu etnik dipengaruhi oleh faktor budaya. Para nabi yang terdahulu contohnya, menerima wahyu mengikut bahasa kaum mereka sendiri (Al-Quran, 14:4), kewujudan pelbagai bahasa ini juga merupakan tanda kebesaran Allah SWT. Walaupun Islam telah menjadikan bahasa Arab sebagai

bahasa rasmi agama Islam, namun bukan beerti bahasa-bahasa lain tidak berfungsi, bahkan Islam telah mengiktiraf mana-mana bahasa yang digunakan di dunia. Oleh itu intipati ajaran Islam dalam pengajaran boleh dan sesuai untuk diserapkan ke dalam penggunaan mana-mana bahasa sekalipun. Malah menjadi satu kelebihan pada seorang guru yang berperanan sebagai *da'i* jika dapat menguasai lebih daripada satu bahasa. Sebagaimana diceritakan dalam al-Quran tentang kehebatan dan kelebihan yang terdapat pada nabi Sulaiman alaihissalam yang boleh menguasai bahasa binatang dan jin. Kebolehan menguasai pelbagai bahasa juga sekaligus akan membantu seorang dai menguasai budaya sesuatu kaum dan bangsa. Hal ini kerana pendakwah merupakan jurubicara Islam kepada manusia (Syed Abdurahman 2005).

KONSEP KEPELBAGAIAN BUDAYA DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Kepelbagaian budaya dalam pendidikan boleh berlaku melalui pelbagai dimensi termasuklah kecerdasan intelek, gender, kaum, etnik dan latar belakang keluarga. Oleh itu, kepelbagaian ini memberi implikasi kepada gaya serta budaya pembelajaran pelajar. Justeru dalam menangani kepelbagaian ini, guru perlu bijak dalam memberi pendidikan secara adil (pendidikan ekuiti) kepada pelajar sebagaimana yang dihasrat oleh kerajaan. Kebijaksanaan guru mengelola situasi belajar dan menyediakan aktiviti yang boleh memupuk penghayatan nilai-nilai perpaduan, dapat mewujudkan persefahaman, mengurangkan polarisasi, dan mengubah persepsi murid tentang hubungan kaum terutama pada era globalisasi kini (Holton 1998) dalam Ali Seman (2011).

Sebagai pelaksana kepada kurikulum Pendidikan Islam di sekolah adakah guru-guru GPI memiliki kompetensi dalam pengajaran yang bilik darjah yang mempunyai pelbagai budaya. Di sini pengkaji mengemukakan beberapa pandangan sarjana Barat dalam menjayakan pendidikan pelbagai budaya. Menurut Banks (2001) dan Ladson & Billing (2000), sebagai pelaksana kurikulum guru seharusnya memiliki dua kemahiran dalam amalan pengajaran yang bercirikan pelbagai budaya. Pertama, kesedaran dan sensitiviti murid yang kompleks. Ini bermakna, guru seharusnya mempunyai sensitiviti terhadap kepelbagaian yang wujud di dalam bilik darjah, termasuklah kesedaran tentang diri sendiri dan orang lain sebagai insan yang mempunyai budaya, sama ada kepelbagaian dari sudut agama, budaya, etnik, bahasa, status ekonomi pelajar dan latar belakang pelajar.

Rasulullah SAW sebagai guru yang paling agung, telah menggunakan kaedah yang dapat meraikan kepelbagaian pelajar ketika memberikan pendidikan kepada para sahabat dan mereka yang baharu mempelajari Islam pada zaman baginda (Abu Ghudah, 2009). Baginda Rasulullah SAW cukup meraikan perbezaan setiap individu yang belajar sama ada golongan yang disampaikan seruan dakwah atau yang bertanya (Abu Guddah, 2009). Baginda berinteraksi dengan setiap individu berdasarkan kefahamannya dan bersesuaian dengan kedudukannya. Baginda juga menjaga perasaan orang yang baru belajar, Rasulullah SAW tidak mengajarkan kepada mereka apa yang diajarkan kepada golongan yang

telah lama. Kaedah-kaedah yang digunakan oleh imam-imam As-Syafae, Malik, Ahmad bin Hambal, Abu Hanifah dan Al-Ghazali kesemuanya berdasarkan kaedah-kaedah yang telah digunakan oleh Rasulullah SAW (Abu Guddah, 2009).

Ahli sosiologi seperti Linton (1936), Emile Durkheim (1956) dalam Sharifah Alwiyah (1986), berpandangan bahawa, sistem pendidikan berperanan sebagai penyebar kepada kebudayaan masyarakat. Menurut Linton (1936), setiap persamaan dan perbezaan dalam stau kumpulan masyarakat semuanya perlu dipelajari. Sekolah bukan sahaja dilihat sebagai agen yang mementingkan kemahiran pengajaran dan pengetahuan, tetapi ia juga berperanan dalam mengindoktrinasikan nilai masyarakat. Guru juga mempunyai set peranan dalam bilik darjah, dan dalam melaksanakan peranan mereka sebagai pengajar, penyampai ilmu, penasihat, penilai dan pakar mata pelajaran dalam bilik darjah, faktor-faktor seperti pengalaman dalam latihan perguruan, asal usul kelas sosial, pengalaman bekerja, kebolehan dalam mata pelajaran, pengalaman mengajar dan pengkhususan mata pelajaran memberi pengaruh terhadap amalan dan ekspektasi mereka. Menurut Sharifah Alwiah (1986), konsep-konsep asas sosiologi yang berkaitan dengan pendidikan adalah konsep ras, etnik, bangsa, masyarakat, status dan kelas sosial dan peranan. Perbezaan-perbezaan ini jika tidak diurus dengan baik ia akan menjadi punca konflik. Hal ini kerana perhubungan manusia biasanya berlaku berdasarkan perbezaan-perbezaan di antara kumpulan dan kurang sekali berdasarkan persamaan.

Ab. Halim (2005) menegaskan bahawa, sebagai guru pendidikan Islam, tugas pendidik adalah sebagai pendakwah malah kalau boleh pendidik perlu menjadi *da'i* terbaik kepada pelajar dan masyarakat. Peranan melaksanakan pengajaran pendidikan pelbagai budaya pula dimainkan oleh guru sebagai penyampai ilmu. Justeru, kemahiran guru pendidikan Islam sebagai *da'i* (pendakwah) kepada pelajar-pelajar yang belum Islam amat diperlukan. Dalam hal ini juga, guru memainkan peranan penting dalam memastikan semua kumpulan etnik diwakili dengan memuaskan dalam bahan pengajaran di sekolah (KPM 2012), terutama dalam pemilihan bahan bantu mengajar supaya pendidikan pelbagai budaya dapat disampaikan dengan berkesan (Ali Seman, 2011; Najeemah, 2005; Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010). Aspek pengajaran pendidikan Islam juga perlulah menekankan aspek pendidikan merentas kurikulum dengan memberikan tumpuan dalam aspek pelbagai budaya, sama ada secara langsung ataupun sebaliknya ataupun sebagai aspek penyerapan (Sidek, 2006).

Menurut Shamsul Amri (2007) menegaskan peri pentingnya menerapkan pendidikan berasaskan kepelbagaian budaya dan identiti kebangsaan dalam pengajaran di sekolah tetapi sehingga kini kurang dilaksanakan secara berkesan. Ini selaras dengan kajian Najeemah (2005) telah merumuskan bahawa kebanyakan guru tidak menyedari atau menerima tanggungjawab mereka sebagai pendidik dalam merealisasikan pendidikan pelbagai budaya. Hal ini kerana ramai guru tidak tahu, tidak memahami apakah pendidikan pelbagai budaya, dan tidak tahu bagaimana untuk menggunakan amalan-amalan yang berkesan memberi pendidikan secara adil kepada pelajar. Sebagai pelaksana kurikulum, guru seharusnya menggunakan budaya setiap pelajarnya untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Ladson-Billing (2000). Malah pendidikan berasaskan kepelbagaian budaya sebenarnya

mampu membentuk sosialisasi dalam kalangan pelajar ke arah integrasi nasional MansorMohd Nor (2006).

Isu pendidikan yang bersifat statik, lapuk, stereotaip dan tidak menonjolkan kebudayaan pelbagai kaum serta lebih bersifat *Malay centris* (menggunakan contoh orang Melayu) sahaja tidak berlaku sekiranya guru pendidikan Islam mempunyai kefahaman yang kukuh tentang pendidikan pelbagai budaya (Ali Seman, 2012). Penggunaan contoh yang pelbagai dan melibatkan semua murid perlu wujud supaya pembelajaran akan lebih berkesan (Najeemah 2006 dan Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010). Oleh itu penggunaan kaedah yang sesuai, bukan sahaja dapat membantu guru menyampaikan isi pelajaran malah boleh menggunakan keunikan pelbagai budaya yang ada dalam kalangan pelajar sebagai cara untuk menarik minat pelajar mempelajari pendidikan Islam dan sebagai cara untuk berdakwah. Kita tidak mahu isu salah tanggapan orang bukan Islam terhadap orang Islam adalah berpunca daripada kelemahan umat Islam sendiri yang tidak menyampaikan dakwah Islam dengan berkesan dan tidak dapat memberikan contoh ikutan yang baik kepada orang bukan Islam (Mohd Ridhuan Tee Abdullah, 2010; Zainab Ismail et al., 2009).

Manakala dalam aspek Pendidikan Islam, pendidikan Islam dilihat sebagai satu medium untuk menyatukan kepelbagaian budaya pelajar. Hal ini kerana matlamat yang hendak dicapai menerusi pengajaran Pendidikan Islam ialah melahirkan pelajar yang mempunyai ciri-ciri berikut: mantap serta kukuh iman dan taqwa sebagai benteng ketahanan diri, menguasai ilmu fardu 'ain dan fardu kifayah, sebagai pedoman dan amalan hidup, mengamalkan tuntutan fardu 'ain dan fardu kifayah bagi memenuhi tanggungjawab ibadah dan berakhlak mulia sebagai pelengkap diri dan tonggak budaya (Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM 2002, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia). Ini bertepatan dengan resolusi yang telah dicapai dalam seminar pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan dari 2-5 Oktober 1995 yang berbunyi:

Pendidikan Islam hendaklah menjadi teras kepada sistem pendidikan kebangsaan dalam melaksanakan sistem pendidikan yang bersepadu yang berasaskan integrasi ilmu, akal, dan wahyu, ke arah menghapuskan dikotomi dan dualism dalam pendidikan.

Oleh itu, Kurikulum Pendidikan Islam telah mendukung cita-cita murni dan unggul selaras dengan hasrat dan falsafah pendidikan kebangsaan. Hal ini kerana matlamat, falsafah dan nilai-nilai yang dibawakan oleh pendidikan Islam adalah bersumberkan al-Quran dan Sunnah. Kesimpulannya, matlamat, falsafah dan nilai dalam Pendidikan Islam yang berasal daripada al-Quran dan al-Sunnah adalah asas budaya dan tamadun manusia. Begitu juga fungsinya untuk membangunkan tingkah laku, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah untuk pembangunan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara hendaklah dihayati dan difahami oleh para pendidik supaya matlamat ini dapat disuburkan dalam jiwa pelajar. Justeru itu, bagi mencapai matlamat falsafah pendidikan Islam, konsep pengajaran Pendidikan Islam adalah meliputi aspek teori dan amali yang

merupakan gabungan pelbagai kaedah pengajaran dan pendekatan pengajaran dalam menyampaikan ilmu pendidikan Islam.

KONSEP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Pembentukan kurikulum Pendidikan Islam secara khusus, tidak akan lengkap dan sempurna sekiranya kaedah pengajaran dan pembelajaran tidak dititikberatkan (Ismail Ibrahim et al. 2011). Penguasaan ilmu dan pembentukan peribadi yang sempurna bukan sahaja berpunca daripada ketokohan dan keperibadian guru, bahkan berpunca daripada kurikulum yang lengkap dan disokong oleh kaedah pengajaran yang sempurna. Begitu juga keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, ia perlu merangkumi beberapa perkara antaranya motivasi, mengetahui tahap kematangan pelajar, mengetahui perbezaan-perbezaan individu, memerhati kefahaman, integrasi antara pengetahuan sedia ada dengan keaslian ilmu, dan menjadikan proses pendidikan sebagai pengalaman yang mengembirakan pelajar. Namun, MohdAderi (2008) mendapati bahawa amalan pengajaran guru di Malaysia masih lagi pada tahap yang sederhana. Guru-guru masih lagi didapati mengamalkan pendekatan yang mudah atau lama (*chalk and talk*) iaitu pendekatan menyampaikan maklumat kepada pelajar secara sehalu sahaja. Pendekatan penggunaan bahan bantu mengajar dan kerja-kerja amali kurang dipraktikkan (Suhaimi, 2008). Dengan lain perkataan, strategi pembelajaran lebih berfokus dan berpusatkan kepada guru.

Atan (1982) telah mengutarakan tiga aspek penting dalam membentuk keberkesanan seseorang guru, antaranya ialah personaliti guru, latar belakang pengetahuan yang hendak diajar dan kaedah atau cara penyampaian. Manakala Al Syaibani (1979) berpendapat, konsep kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baik adalah kaedah yang dapat membantu pelajar memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran dan mengubah sikap serta tingkah laku, menanam minat dan nilai-nilai yang diinginkan. Para pendidik juga disarankan supaya menyampaikan pengajaran mengikut tahap pemikiran pelajar (Al-Ghazali 1998; Ibnu Khaldun 1995; Syaibani 1979). Kegagalan guru mengambil kira tahap pemikiran dan pencapaian pelajar terlebih dahulu Biasanya kebolehan dan pengetahuan sedia ada pelajar akan menjadi kabur dan bertambah rumit jika guru menyampaikan sesuatu pengajaran tanpa mengambil kira tahap pemikiran dan pencapaian pelajar terlebih dahulu.

Sebagai contoh Al-Quran mempunyai dan menggunakan metodologi atau pendekatan yang komprehensif dalam membentuk akhlak manusia. Hal ini bersesuaian dengan fungsinya sebagai sumber utama nilai dan akhlak dalam Islam. Antara metodologi pendekatan akhlak dan nilai dalam al-Quran adalah seperti (i) pendekatan *uswah hasanah* (contoh teladan yang baik) dengan mempamerkan akhlak terpuji para nabi dan rasul agar menjadi ikutan umat manusia, (ii) pendekatan penceritaan dan pengisahan, Al-Quran menggunakan pendekatan penceritaan dan pengisahan dengan gaya bahasa yang indah, menarik dan benar-benar mendatangkan pengajaran yang baik dan memberi kesan kepada jiwa individu Islam, (iii) pendekatan pengajaran dan nasihat.

Penggunaan pendekatan ini di dalam al-Quran adalah untuk mendidik manusia ke arah kebenaran, kebaikan dan kesabaran sehingga dapat membangkitkan kesedaran dan keyakinan kepada ajaran Islam, (iv) pendekatan ganjaran dan dendaan, digunakan untuk memberi peringatan kepada manusia agar mengikuti garis yang ditentukan syarak dalam kehidupan seharian, (v) pendekatan perbandingan dan perumpamaan. Tujuannya adalah untuk mendidik dan membentuk akhlak manusia. Al-Quran mengungkapkan keadaan ini dengan indah sekali sehingga dapat meninggalkan kesan dalam jiwa mereka yang berfikir, (vi) pendekatan sebab dan akibat. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menggariskan sebab dan akibat sesuatu perbuatan atau tingkah laku, yang baik serta mulia, sudah pasti membuahkan hasil yang baik. Sebaliknya jika tingkah laku itu buruk, tidak beretika dan tidak berakhlak maka kesannya juga adalah buruk. Secara langsung manusia dan membuat perbezaan dan berwaspada terhadap kesan daripada segala perbuatannya

Contoh-contoh pendekatan yang terdapat di dalam al-Quran telah memaparkan kepada kita tentang model pengajaran dan teori pengajaran nilai dan akhlak. Bagi penyelidik, dalam aspek penerapan nilai pelbagai budaya ini, pendekatan-pendekatan ini amat sesuai digunakan kerana ianya merangkumi teori-teori pembelajaran yang bukan sahaja dipelopori oleh barat malah juga sarjana Islam. Penghayatan terhadap isi kandungan al-Quran dan kebijaksanaan menggunakan akal yang Allah SWT anugerahkan, mampu menjadikan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi dan layak menjadi pewaris para nabi, terutama dalam mendidik anak bangsa.

Kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa keutamaan dan kepentingan untuk memilih strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran menjadi satu faktor penting terhadap keberkesanan pengajaran yang disampaikan kepada pelajar. Keperluan kepada kepelbagaian strategi, kaedah dan pendekatan akan dapat menarik minat pelajar serta boleh memotivasikan mereka kepada sesuatu mata pelajaran yang dapat mendorong pencapaian akademik mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian langsung pengajaran. Kaedah temu bual digunakan untuk mengenal pasti apakah kefahaman guru tentang konsep kepelbagaian budaya manakala kaedah pemerhatian langsung adalah untuk mengenalpasti bagaimanakah elemen-elemen pelbagai budaya di terapkan dalam pengajaran. Pemilihan sampel adalah secara pensampelan bertujuan berdasarkan kriteria yang ditetapkan iaitu guru cemerlang pendidikan Islam.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian di bawah diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian yang telah dijalankan bagi menjawab persoalan kajian yang telah dicadangkan. Dapatan temu bual merupakan pandangan guru pendidikan Islam terhadap pendidikan pelbagai budaya dan manakala dapat daripada pemerhatian adalah untuk menjawab bagaimanakah elemen-elemen budaya diterapkan dalam pengajaran pendidikan Islam.

1. Apakah kefahaman guru pendidikan Islam tentang konsep kepelbagaian budaya?

Ketiga-tiga peserta kajian bersetuju bahawa kepelbagaian budaya ini merujuk kepada kepelbagaian amalan hidup, bangsa dan kaum serta nilai. GCPI1 menyatakan bahawa, kepelbagaian budaya ini wujud apabila terdapatnya pelbagai budaya yang diamalkan dalam kelas yang diajar. Menurut GCPI1, apabila dikatakan pelbagai budaya, ia haruslah meraikan pelbagai budaya yang terdapat dalam kelas tersebut. Ini dijelaskan melalui temu bual berikut; *“meraikan budaya masyarakat yang pelbagai, asalkan budaya tersebut tidak bertentangan dengan ajaran Islam”* (GCPI1 2013:TB1:125). Hal ini menurut beliau akan mewujudkan interaksi dan perpaduan dalam kalangan murid-murid sekolah. Kepelbagaian ini sudah semestinya memberikan pelbagai amalan dan cara hidup yang pelbagai sama ada daripada segi, *“bahasa, pakaian dan cara pergaulan mereka...”*. Hal ini kerana amalan hidup sesuatu bangsa dan kaum itu sinonim dengan satu-satu bangsa. Ini ditunjukkan dalam petikan temu bual berikut, *“...dia macam amalan harian mereka yang biasanya sinonim dengan satu-satu bangsa...”*

Perkara yang sama dipersetujui oleh Ustazah Hamni, menurut beliau pengajaran pendidikan Islam hendaklah meraikan budaya dan kehidupan seharian murid. Hal ini kerana, *“amalan seharian atau budaya sesebuah masyarakat itu sinonim dengan sesuatu bangsa”* (GCPI2 2013: TB1:54), tambah beliau lagi *“dia memang kan dari bangsa yang berlainan kan...Jadi pendidikan pelbagai budaya tu memang untuk meraikan apa, kehidupan seharian mereka...”* (GCPI1 2013: TB2:45). Hal ini bertambah rencam apabila terdapatnya pelajar yang datangnya daripada keluarga yang baru sahaja memeluk Islam dan hasil daripada perkahwinan campur, hendaklah diterapkan dalam pengajaran tetapi perlu dipastikan bahawa budaya itu tidak berlawanan dengan Islam (GCPI1 2013: TB2:281).

Berbeza dengan GCPI2, beliau berpandangan bahawa, dalam situasi masyarakat Sarawak yang *multiracial* ini, kepelbagaian budaya lebih menjurus kepada kepelbagaian bangsa dan kaum yang wujud dalam kalangan pelajar. Ini jelas dinyatakan melalui petikan berikut, *“untuk meraikan kepelbagaian bangsa pelajar...”*. Perkara yang sama juga disebut oleh GCPI2 yang juga menyatakan bahawa

kepelbagaian budaya merupakan satu konsep pendidikan yang berkaitan dengan kepelbagaian kaum. Ini dinyatakan dalam petikan berikut, *“kita sampaikan pengajaran dan pembelajaran tu, kita nak pelajar tu terdiri daripada pelbagai kaum...dan kita nak raikan mereka...”*

Dalam konteks pendidikan Islam, perbincangan tentang pendidikan pelbagai budaya ini boleh diperkecilkan skopnya iaitu bagaimana seorang guru pendidikan Islam menerapkan nilai sesuatu masyarakat dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Perbualan berikut menjelaskan bagaimana GCPI3 menyatakan bahawa kefahaman terhadap pendidikan pelbagai budaya pula lebih kepada penerapan nilai sejagat. Menurut GCPI3, penerapan nilai-nilai sejagat boleh dikongsi oleh masyarakat pelbagai budaya dan agama masyarakat. Ini dinyatakan oleh beliau dalam petikan berikut; *“...penerapan nilai sejagat yang diamalkan oleh masyarakat...”*. Menurut beliau lagi nilai-nilai ini seharusnya boleh dikongsi oleh segenap lapisan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama asalkan tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Seperti nilai menghormati hak orang lain, menghormati hak orang lain dalam beribadat. *“...ia boleh diterima oleh segenap lapisan masyarakat dalam kepelbagaian bangsa dan agama, nilai menghormati hak orang lain saya kira, menghormati hak orang lain dalam beribadat...”*.

2. Bagaimanakah pelaksanaan penerapan elemen-elemen pelbagai budaya diterapkan dalam pengajaran pendidikan Islam?

Peserta kajian juga bersetuju bahawa pelaksanaan penerapan elemen-elemen pelbagai budaya boleh dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran sama ada secara langsung dan secara tidak langsung. Bagi GCPI1, beliau lebih suka penerapan elemen-elemen ini dilakukan secara tidak langsung malah boleh diselitkan dalam memberikan contoh kepada murid. *“...secara tak langsung, contohnya dalam bentuk contoh...kan...tak langsung lah sebenarnya...”*. Malah menurut beliau, penerapan elemen-elemen pelbagai budaya ini juga dilaksanakan secara tidak khusus dan hanya dalam bentuk penceritaan sahaja, *“...ia tak secara khusus...dalam bentuk penceritaan sahaja...”*. Malah menurut beliau, penerapan elemen pelbagai budaya yang dilakukan secara tidak langsung adalah dengan menggunakan contoh-contoh nilai yang boleh dikongsi, seperti nilai menghormati budaya orang lain. Melalui sesi sumbang saran, sesi perkongsian idea dan perbincangan, seperti tajuk perkahwinan, murid-murid dapat berkongsi budaya masyarakat selain Melayu Islam dengan bangsa-bangsa lain yang terdapat di Sarawak. Perkongsian ini secara tidak langsung dapat melahirkan rasa hormat kepada budaya masyarakat lain.

Kenyataan ini juga dipersetujui oleh GCPI3 yang juga bersetuju menyatakan bahawa penerapan elemen-elemen budaya boleh dilakukan secara tidak langsung dalam pengajaran dan diterapkan secara

sisipan sahaja. Ini ditegaskan oleh beliau melalui petikan tersebut, “...secara tidak langsung ni, bagi saya dia lebih berkesan sebenarnya...”. “...yes, dalam aktiviti ataupun sisipan, itu amat sesuai...”. Hal ini menurut beliau, lebih menjadikan pengajaran guru tersebut lebih menarik, berkesan dan lebih *nature*, berbanding penerapan secara langsung yang akan menyebabkan guru tersebut rasa terpaksa dan menjadikan murid meluat kerana mereka seolah-olah dipaksa untuk berkelakuan seperti itu dan ini. “...kalau buat secara langsung ni pelajar kadang-kadang meluat, kenapa perlu macam ni...”. Penerapan secara tidak langsung ini menurut beliau lebih memberikan impak yang besar kepada murid kerana dalam konteks masyarakat Malaysia, kepelbagaian agama itu telah wujud secara semula jadi. Malah ianya akan menjadikan konflik kalau isu-isu nilai dan kepelbagaian ini di *highlight*. “...dia jadi konflik kalau kita *highlight*, sentiment itu terasa...”. Oleh hal yang demikian beliau mengambil pendekatan secara tidak langsung dan menerapkan elemen-elemen budaya dalam pengajaran pendidikan Islam.

Berbeza dengan GCPI3, beliau menyatakan bahawa penerapan ini boleh dilakukan sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Penerapan secara langsung biasanya dilakukan apabila melibatkan tajuk-tajuk yang perlu kepada penjelasan yang detail seperti tajuk ‘Perkara-perkara yang membatalkan iman’, walau bagaimana pun ia tidaklah dituliskan untuk mengajarkan budaya namun”... saya selitkan unsur itulah secara tersirat...”. Beliau memberikan contoh amalan-amalan khurafat yang masih banyak diamalkan oleh masyarakat Melayu Islam Sarawak. Jadi di sini beliau berperanan memberikan penjelasan supaya dapat membezakan antara budaya yang betul dan salah dalam Islam. Penerapan secara langsung ini juga dilaksanakan oleh PK 2 dalam tajuk haji misalnya. Contohnya amalan masyarakat yang mengadakan kenduri al-Widak. “...secara direct terus, langsung lah tentang budaya lah...”. Di sini GCP3 menerapkan elemen budaya masyarakat Sarawak yang tidak bertentangan dengan amalan Islam sebagai satu perkongsian.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Kefahaman guru tentang Konsep Kepelbagaian budaya

Dalam konteks pendidikan Islam, peserta kajian juga menyatakan bahawa, pendidikan pelbagai budaya adalah bermaksud bagaimana seorang guru pendidikan Islam menyisipkan amalan atau cara hidup sesuatu masyarakat dalam pengajaran mereka. Dalam hal ini, ianya menuntut guru pendidikan Islam untuk peka dan tahu kepelbagaian yang wujud dalam kalangan murid lebih-lebih lagi kedudukan penduduk Islam yang hanya minoriti menyebabkan kerencaman budaya berlaku dalam kalangan masyarakat dan berlakunya masalah interaksi sosial dalam kalangan pelajar. Sebagaimana yang disebut

oleh Hussein (1993) kebudayaan yang diwarisi daripada satu generasi kepada generasi perlu dititikberatkan kerana realitinya pelajar hidup dalam masyarakat yang berbilang bangsa dan warisan budaya ini sangat dibanggakan oleh mereka.

Berdasarkan dapatan kajian, guru-guru pendidikan Islam memberi penjelasan tentang pendidikan pelbagai budaya sebagai satu keadaan apabila wujudnya pelbagai etnik dalam satu sesi pengajaran dan pembelajaran. Menurut Banks & Banks (2001), pendidikan pelbagai budaya bukan sahaja berkaitan dengan pelbagai etnik tetapi lebih daripada bagaimana seorang guru boleh memberikan satu pendidikan yang secara adil terhadap semua pelajar tanpa mengira daripada pelbagai etnik, budaya, agama, jantina dan gender. Dalam konteks pengajaran pendidikan Islam, guru perlu mempunyai kefahaman tentang cara hidup yang berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Kebijaksanaan guru dalam menggunakan kaedah dan teknik dalam menyelitkan elemen budaya yang berkaitan dengan kehidupan seharian mereka akan menarik minat mereka untuk belajar pendidikan Islam (Najeemah, 2005; 2006)

Pelaksanaan penerapan elemen-elemen pelbagai budaya dalam pengajaran pendidikan Islam

Berdasarkan dapatan kajian, empat daripada lima peserta kajian bersetuju bahawa pelaksanaan elemen-elemen pendidikan pelbagai budaya hanya dilaksanakan secara pendekatan tidak langsung. Peserta kajian berpendapat bahawa, penerapan elemen-elemen budaya seperti budaya masyarakat, amalan hidup dan nilai boleh dilaksanakan secara sisipan dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai. Pelaksanaan penerapan elemen-elemen ini juga hanya dilaksanakan mengikut kesesuaian tajuk. Seperti tajuk perkahwinan, perkara-perkara yang membatalkan iman, dosa-dosa besar. Hal ini kerana tajuk-tajuk ini secara langsung menerangkan amalan-amalan hidup masyarakat Malaysia dan dikaitkan dengan ajaran Islam yang sebenar. Manakala penerapan elemen-elemen bahasa pula adalah bertujuan untuk memudahkan pelajar untuk memahami satu-satu istilah yang kebanyakannya dalam bahasa Arab. Tidak banyak kaedah dan pendekatan yang digunakan dalam menerapkan elemen-elemen budaya ini. Ini selaras dengan kajian oleh Najeemah (2005) yang juga mendapati yang juga mendapati bahawa, kebanyakan guru-guru tidak tahu bagaimana hendak menggunakan kaedah pengajaran pendidikan pelbagai budaya yang berkesan.

Banks (2001) mencadangkan antara amalan yang boleh dilakukan untuk melaksanakan pendidikan kepelbagaian budaya adalah; Pertama, integrasi kandungan (*content integration*). Kedua, proses pembinaan kemahiran atau ilmu (*the knowledge construction process*) pada peringkat ini guru perlu membantu murid bagaimana untuk memahami, menyelidik dan menentukan budaya yang tersirat, perspektif dan *bias* yang terdapat antara disiplin ilmu yang telah dibina. Sebagai contoh dalam pendidikan Islam, tajuk-tajuk yang berkaitan dengan 'dosa-dosa besar', 'perkara yang membatalkan iman', 'perpaduan asas kemajuan', 'adab dengan jiran tetangga', 'adab dengan rakan', 'kaifiat

perkahwinan' dan sebagainya boleh diselitkan secara langsung budaya-budaya yang diamalkan oleh masyarakat berbanding dengan apa yang sepatutnya diamalkan dalam Islam. Hal ini akan menjadikan membolehkan murid mengaitkan terus tajuk-tajuk itu dengan kehidupan seharian mereka. Ketiga, mengurangkan prasangka (*prejudice reduction*), guru hendaklah memberi fokus kepada karakter kaum yang ada pada pelajar dan bagaimana guru boleh melakukan pengubahsuaian berdasarkan bahan teknik pengajaran. Keempat, pedagogi ekuiti-sama rata (*an equity pedagogy*); mengubah suai pengajaran dalam cara yang memudahkan pencapaian akademik pelajar dari pelbagai kaum, budaya, jantina dan kelas sosial. Manakala yang kelima, memperkasakan budaya dan sistem sosial sekolah (*empowering school cultural and social structure*). Dalam hal ini, sekolah juga seharusnya membantu guru dalam merealisasikan konsep meraikan kepelbagaian sebagai contoh sekolah memperkenalkan budaya, suasana dan kemudahan yang mesra kepada kepelbagaian murid.

KESIMPULAN

Guru-guru pendidikan Islam perlu menggunakan pendekatan yang bersesuaian dalam pengajaran untuk melahirkan insan yang seimbang pada semua dimensi jasmani, emosi, rohani, intelek serta sosial serta berusaha melahirkan murid yang dapat menghayati nilai-nilai mulia seperti yang dihasratkan. Pemahaman guru terhadap budaya, bahasa yang pelbagai dan pengetahuan guru tentang latar belakang murid sama ada aspek sosiobudaya dan ekonominya akan dapat memudahkan guru pendidikan Islam menyampaikan kurikulum pendidikan Islam, sekaligus akan memudahkan murid untuk memahami Islam dan seterusnya menarik minat pelajar untuk mempelajari pendidikan Islam dan Islam itu sendiri.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim. Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran: (30 juz). Ed. Ke 12. Kuala Lumpur: Darulfikir
- Abdul Razaq Ahmad, Anisa Saleha, et al. (2010), *Kepelbagaian Pelajar Dan Sekolah: Satu Kajian Kes Di Negeri Pahang. Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2): hlm:87-95.
- Ab.Halim Tamuri (2005), *Hala Tuju Dan Cabaran Pendidikan Islam Dalam Era Globalisasi*. Seminar Pendidikan dan Penghayatan Islam. Anjuran Jabatan TITAS, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, 1Mac.
- Abu Ghuddah (2009), *Rasulullah Pendidik Terulung: 40 Teknik Mengajar Rasulullah*. Terj Hj Shuhadak Mahmud. Negeri Sembilan: Al-Azhar Media.

- Ahmad Ali Seman (2011), *Keberkesanan Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Berteraskan Perspektif Kepelbagaian Budaya Terhadap Pembentukan Integrasi Nasional*. Tesis Dr.Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Ali Seman, Abdul Razaq Ahmad, et al. (2011), *The Effectiveness of Teaching and Learning History Based on Multicultural toward National Integration in Malaysia*. *Procedia Computer Science* 3(1588-1596).
- Al-Ghazali, A. M. B. A., (1988), *Ihya' Ulumuddin Jiwa Agama*. Terj. Tk. Hj Ismail Yaakub Sh. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.
- Al-Syaibani Omar Muhammad Al Toumy (1979), *Falsafah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Banks, J. A. (2001), *Cultural Diversity and Education: Foundations, Curriculum, and Teaching*. 4th ed. Boston: Allyn & Bacon.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012), *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Kuala Lumpur, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Hussein Hj Ahmad (1993), *Pendidikan Dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ibn Khaldun (2000), *Mukaddimah Ibn Khaldun Terj Dewan Bahasa Dan Pustaka Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ismail Hamid (1996), *Pengajian Kebudayaan Melayu Dari Perspektif Islam: Satu Perbincangan Awal*. Dlm. Wan Hashim Wan Teh. & Mahayudin Yahaya (pnyt.). *Sains Sosial Dari Perspektif Islam*, hlm. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Ibrahim, Mohd Yusof Hj Othman, et al. (2011), *Laporan Penyelidikan Keberkesanan Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Kebangsaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ladson-Billings, G., (2000), *But That's Just Good Teaching*. Dlm. Noel, J. (pnyt.). *Sources-Notable Selections in Multicultural Education*, hlm. 206-216. United States of America: Dushkin/McGraw-Hill.
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz, et al. (2006), *Hubungan Etnik Di Malaysia*. Selangor: Prentice Hall Pearson Sdn Bhd.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah (2010), *Cabaran Integrasi Antara Kaum Di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga Dan Pendidikan*. *Jurnal Hadhari* 3(61-84).
- Mohd.Aderi Che Noh (2008), *Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru Dan Pencapaian Tilawah Al-Quran Murid Tingkatan Dua Di Malaysia*. Tesis Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Najeemah Mohd Yusof (2005), Multicultural Education Practice among Teachers in National Secondary Schools: A Case Study in Kedah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 20(97-111).
- Najeemah Md.Yusof (2006), *Konsep Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS.
- Shamsul Amri Baharuddin (2007), *Modul Hubungan Etnik*. Kuala Lumpur: Maskh Sdn.Bhd.
- Shamsul Amri Baharuddin (2012), *Modul Hubungan Etnik*. kedua. Bangi: Univesiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1986), *Ilmu Pendidikan:Pedagogi* Kuala Lumpur: Heinemann Malaysia Sdn.Bhd.
- Sidek Baba (2006), *Pendidikan Rabbani Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam Selangor: karya Bestari.
- Suhaimi Muhamad (2008), Tahap Kesiediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Teknologi Mara.
- Syed Ismail Syed Mustapha & Ahmad Subki Maskom (2010), *Budaya Dan Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia.
- Syed Abdurahman Syed Hussin (2005), Pendekatan Taghrib Dan Tarhib Dalam Penyampaian Dakwah. *Jurnal Usuluddin* 21(117-138).
- Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, et al. (2009), Cabaran Ulama Borneo Dalam Peyebaran Agama Islam Di Sarawak. *Borneo Research Journal* 3(173-189).

Biodata:

- 1. Noraini Binti Omar**
Pelajar Doktor Falsafah Pendidikan Islam, Fakulti Pendidikan UKM
noraini2224@gmail.com
- 2. Prof.Madya Dr.MohdAderiChe Noh**
Ketua HEJIM, Jab. Pend. & Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan, UKM
aderi@ukm.my
- 3. Dr.Mohd Isa Bin Hamzah**
Pensyarah Kanan, Jab. Pend. dan Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan, UKM
cher@ukm.my

